

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 OGOS 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

KDNK 2023 dijangka tumbuh 4.7 peratus- Juwai IQI

KDNK 2023 dijangka tumbuh 4.7 peratus - Juwai IQI

PETALING JAYA: Juwai IQI mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini berkembang pada 4.7 peratus dan tumbuh lebih tinggi sebanyak 4.9 peratus pada 2024. Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Irhamy Valuers International, Irhamy Ahmad berkata, satu cara pertumbuhan ini adalah melalui peningkatan 30 peratus dalam penilaian pekerjaan kepada jentera pembinaan besar dan peralatan kilang. Katanya, syarikat menggantikan jentera mereka untuk meningkatkan produktiviti dan

menampung pertumbuhan permintaan dan ini adalah petanda yang sangat baik untuk ekonomi. "Di negara maju, kadar faedah yang lebih tinggi, permintaan lemah dan inflasi yang tinggi melemahkan prospek. "Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia berkemungkinan berkembang tiga peratus pada tahun ini dan seterusnya. Negara maju semakin teruk. Pertumbuhan KDNK hanya pada 0.9 peratus dan Eropah dan 1.8 peratus di

Amerika Syarikat (AS)," katanya dalam kenyataan. Irhamy Valuers International merupakan sebahagian daripada Juwai IQI berkata, prestasi kukuh Malaysia tidak boleh diambil mudah kerana ekonomi negara telah mengatasi kejutan seperti ketiadaan berterusan pelancong China. "Pelancongan menyumbang 13 peratus daripada aktiviti ekonomi, tetapi pembelanjan terbesar dari tempoh sebelum Covid-19 masih belum kembali. Pada cuti musim panas, pelawat China hanya mencapai 30

peratus daripada tahap sebelum Covid-19. "Daripada pelancongan, tiga sektor yang memacu pandangan positif kami ialah peralihan kepada sifar bersih, perdagangan dan ekonomi digital," ujarnya. Tambahnya, ekonomi Malaysia yang semakin berkembang memerlukan lebih banyak kuasa, jadi peralihan kepada sifar bersih memerlukan bukan sahaja menggantikan penjanaan kuasa semasa dengan alternatif yang lebih hijau tetapi juga membina sepenuhnya kapasiti yang hijau dari awal.

"Ini bermaksud pelaburan ratusan juta ringgit. Penyahkarbonan akan mewujudkan peluang baharu yang ketara. Bank Negara Malaysia (BNM) menganggarkan sektor tenaga sahaja memerlukan RM1.85 trilion pelaburan menjelang 2050. "Baru bulan lepas, Malaysia mengumumkan telah menarik Tesla untuk menubuhkan ibu pejabatnya di Selangor walaupun Indonesia memikat hati pengeluar kereta elektrik itu. Ini adalah bukti lanjut bahawa Malaysia boleh berjaya dalam cita-cita hijau," jelasnya.